

a
TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT
Kempen FPX dan JomPAY CIMB OCTO 2025

Tempoh Kempen

1. Kempen “**FPX dan JomPAY CIMB OCTO 2025**” (“**Kempen**”) dianjurkan bersama oleh CIMB Bank Berhad (197201001799 (13491-P)) (“**CIMB Bank**”) dan CIMB Islamic Bank Berhad (200401032872 (671380-H)) (“**CIMB Islamic Bank**”). Setiap sebutan “**CIMB**” merujuk kepada kedua-dua CIMB Bank dan CIMB Islamic Bank.
2. Kempen akan bermula pada **9^{hb} Oktober 2025 pada jam 00:01 (GMT+8)** dan berakhir pada **31^{hb} Disember 2025 pada jam 23:59 (GMT+8)**, kedua-dua tarikh termasuk (“**Tempoh Kempen**”).
3. CIMB merizabkan hak dengan memberikan notis terdahulu yang mencukupi selama tujuh (7) hari kalendar untuk menukar tempoh dan/atau tarikh-tarikh permulaan dan/atau penamatan Tempoh Kempen.

Kelayakan

4. Semua pelanggan CIMB aktif baharu dan sedia ada akan layak untuk menyertai Kempen ini (“**Peserta Layak**”). Kelayakan untuk kategori ini akan ditentukan berdasarkan sejarah transaksi seperti yang direkodkan oleh CIMB, dan CIMB merizabkan hak untuk menentukan dan mengesahkan kelayakan semua peserta
5. Kategori individu/entiti berikut **TIDAK** layak untuk menyertai Kempen ini: -
 - a. Kakitangan atau pekerja tetap, kontrak dan/atau sementara CIMB;
 - b. Pelanggan yang telah diisytiharkan muflis atau digulung atau sebaliknya telah mempunyai prosiding undang-undang dalam apa jua sifat yang dimulakan terhadap mereka; dan/atau
 - c. Individu di bawah umur lapan belas (18) tahun.
6. Dengan menyertai Kempen ini, pelanggan merepresentasi dan mengesahkan bahawa beliau tidak termasuk dalam kategori individu/entiti yang dikecualikan di atas.

Hadiah

7. Hadiah berikut akan disediakan kepada Pemenang Kempen ini (selepas ini ditakrifkan di **Klausa 19**): -

Jenis Transaksi	Kategori Hadiah	Hadiah	Jumlah Bilangan Pemenang
FPX	Hadiah Utama FPX	Hadiah Tunai RM500	20 pemenang
	Hadiah Juara FPX	Pulangan Tunai RM20	2,400 pemenang
	Hadiah Pengguna FPX Baharu	Pulangan Tunai RM10	3,600 pemenang
JomPAY	Hadiah Utama JomPAY	Hadiah Tunai RM500	20 pemenang
	Hadiah Pengguna JomPAY Baharu	Pulangan Tunai RM15	5,550 pemenang

Hadiah Utama FPX, Hadiah Juara FPX, Hadiah Pengguna FPX Baharu, Hadiah Utama JomPAY dan Hadiah Pengguna JomPAY Baharu akan selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai “**Hadiah**” dan akan dipenuhi oleh CIMB mengikut cara yang selepas ini dinyatakan di dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.

8. Setiap Peserta Layak yang memenuhi Kriteria Penyertaan (selepas ini ditakrifkan di **Klausa 12**) untuk jenis transaksi FPX layak memenangi maksimum: -
 - a. satu (1) Hadiah Utama FPX; **DAN**
 - b. satu (1) Hadiah Juara FPX **ATAU** satu (1) Hadiah Pengguna FPX Baharu

sahaja sepanjang Tempoh Kempen, tertakluk sentiasa pada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.

9. Setiap Peserta Layak yang memenuhi Kriteria Penyertaan (selepas ini ditakrifkan di **Klausula 12**) untuk jenis transaksi JomPAY layak memenangi maksimum satu (1) Hadiah Utama JomPAY **ATAU** satu (1) Hadiah Pengguna JomPAY Baharu sahaja sepanjang Tempoh Kempen, tertakluk sentiasa pada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
10. Walau apa pun yang dinyatakan di **Klausula-Klausula 8 dan 9** di atas, kategori hadiah bertajuk “Hadiah Pengguna FPX Baharu” dan “Hadiah Pengguna JomPAY Baharu” adalah tersedia secara eksklusif kepada Peserta Layak yang tidak pernah melakukan sebarang transaksi FPX dan/atau JomPAY melalui aplikasi mudah alih CIMB OCTO dan/atau kemudahan perbankan dalam talian CIMB Clicks dalam tempoh enam (6) bulan sebelum tarikh pelancaran Kempen ini.

Mekanik Kempen & Kriteria Penyertaan

11. Untuk tujuan Kempen Ini: -

a. **“Transaksi Layak”** hendaklah bermaksud: -

Jenis Transaksi	Penerangan
FPX	Pembayaran berjaya kepada mana-mana pedagang FPX melalui perbankan dalam talian CIMB Clicks (dibenarkan oleh Kelulusan SecureTAC melalui Aplikasi CIMB OCTO sahaja) menggunakan mana-mana Akaun Penyertaan Peserta Layak (seperti yang ditakrifkan pada Klausula 13 di bawah)
JomPAY	Pembayaran berjaya untuk sebarang bil atau invoice melalui fungsi ‘JomPAY’ dalam Aplikasi CIMB OCTO. Ini termasuk kedua-dua transaksi JomPAY serta-merta dan berjadual yang mesti dipautkan dengan mana-mana Akaun Penyertaan Peserta Layak (seperti yang ditakrifkan pada Klausula 13 di bawah)

- b. **“Hari Biasa”** hendaklah bermaksud semua hari lain tidak termasuk Hari Dua Digit dan Hari Gaji;
- c. **“Hari Gaji”** hendaklah bermaksud hari ke-25 dan ke-26 setiap Bulan Kempen (iaitu, 25^{hb} dan 26^{hb} Oktober 2025, 25^{hb} dan 26^{hb} November 2025, 25^{hb} dan 26^{hb} Disember 2025); dan
- d. **“Hari Dua Digit”** hendaklah bermaksud 10^{hb} Oktober 2025, 11^{hb} November 2025 dan 12^{hb} Disember 2025.

12. Untuk melayakkan diri memenangi Hadiah, Peserta Layak boleh sama ada memperoleh penyertaan (**“Penyertaan”**) dan/atau memenuhi kriteria penyertaan berikut semasa Tempoh Kempen: -

Jenis Transaksi	Kategori Hadiah	Kriteria Penyertaan	Jumlah transaksi minimum setiap transaksi (RM)	Penyertaan yang diperolehi
FPX	Hadiah Utama FPX	Lakukan satu (1) Transaksi Layak FPX pada Hari Biasa (seperti yang ditakrifkan dalam Klausula 11).	RM20	1 Penyertaan diperolehi
		Lakukan satu (1) Transaksi Layak FPX pada Hari Gaji (seperti yang ditakrifkan dalam Klausula 11).	RM20	2 Penyertaan diperolehi
		Lakukan satu (1) Transaksi Layak FPX pada Hari Dua	RM20	3 Penyertaan diperolehi

		Digit (seperti yang ditakrifkan dalam Klausula 11).		
	Hadiah Juara FPX	Lakukan empat (4) Transaksi Layak FPX dalam satu bulan kempen (seperti yang ditakrifkan dalam Klausula 11). <i>*Hadiah adalah berasaskan dasar siapa cepat dia dapat, rujuk Klausula 17 di bawah</i>	RM20	
	Hadiah Pengguna FPX Baharu	Lakukan dua (2) Transaksi Layak FPX dalam satu bulan kempen (seperti yang ditakrifkan dalam Klausula 11). <i>*Hadiah adalah berasaskan dasar siapa cepat dia dapat, rujuk Klausula 17 di bawah</i>	RM20	
	Hadiah Utama JomPAY	Lakukan tiga (3) Transaksi Layak JomPAY dalam satu bulan kempen (seperti yang ditakrifkan dalam Klausula 11).	RM30	3 Penyertaan diperolehi
JomPAY	Hadiah Pengguna JomPAY Baharu	Lakukan dua (2) Transaksi Layak JomPAY dalam satu bulan kempen (seperti yang ditakrifkan dalam Klausula 11). <i>*Hadiah adalah berasaskan dasar siapa cepat dia dapat, rujuk Klausula 18 di bawah</i>	RM30	

13. Semua Transaksi Layak hendaklah dilakukan dengan menggunakan dana daripada mana-mana akaun simpanan, akaun semasa, akaun simpanan-i atau akaun semasa-i CIMB ("**CASA-i**") Peserta Layak yang didaftarkan dengan CIMB yang dipautkan kepada Aplikasi CIMB OCTO dan kemudahan perbankan dalam talian CIMB Clicks Peserta Layak ("**Akaun Penyertaan**") sahaja.
14. Peserta Layak mesti memastikan bahawa mereka telah membolehkan-dayakan Kelulusan SecureTAC pada Aplikasi CIMB OCTO untuk meluluskan Transaksi Layak.
15. Penjejakan Transaksi Layak adalah berdasarkan tarikh dan masa transaksi (Waktu Malaysia) seperti yang dirakam dalam rekod transaksi CIMB semasa Tempoh Kempen.
16. Peserta Layak mengakui dan bersetuju bahawa sebarang penentuan oleh CIMB sama ada mana-mana transaksi tertentu layak sebagai Transaksi Layak hendaklah muktamad, mengikat dan konklusif dan penentuan sedemikian tidak akan dicabar dalam apa jua cara sekalipun.

Pemilihan Pemenang

Pemilihan Pemenang FPX:

17. Pemenang Hadiah Utama FPX, pemenang Hadiah Juara FPX dan pemenang Hadiah Pengguna FPX Baharu (secara kolektif, "**Pemenang FPX**") hendaklah dipilih seperti berikut: -
- a. **Hadiah Utama FPX:**
- i. Untuk melayakkan diri memenangi Hadiah Utama FPX, Peserta Layak mesti mengumpulkan minimum **dua puluh satu (21) Penyertaan** sepanjang Tempoh Kempen. Penyertaan ini mesti diagihkan seperti berikut: sekurang-kurangnya **tujuh (7) Penyertaan setiap bulan kempen**, selama **tiga (3) bulan berturut-turut** dalam Tempoh Kempen. Kegagalan untuk memenuhi syarat penyertaan bulanan ini akan menyebabkan kehilangan kelayakan daripada kategori Hadiah Utama FPX, tanpa mengira jumlah penyertaan yang terkumpul.
 - ii. Pada akhir Tempoh Kempen, CIMB akan menyenarai pendek beberapa Peserta Layak daripada kumpulan Peserta Layak yang telah memperoleh minimum dua puluh satu (21) Penyertaan dan mengikut cara yang ditetapkan pada **Klausula 17(a)(i)** di atas untuk layak memenangi Hadiah Utama FPX ("**Pemenang Hadiah Utama FPX Berpotensi**").
 - iii. Pemenang Hadiah Utama FPX Berpotensi yang nombor mudah alihnya didaftarkan dan dikekalkan dalam rekod CIMB akan dihubungi oleh CIMB melalui khidmat pesanan ringkas ("**SMS**"). Pemenang Hadiah Utama FPX Berpotensi akan dikehendaki menjawab satu (1) soalan dengan betul dengan membalas SMS tersebut dalam masa terpantas.
 - iv. Dua puluh (20) Pemenang Hadiah Utama FPX Berpotensi pertama yang membalas SMS tersebut dalam masa terpantas dan dengan jawapan yang betul akan diisytiharkan sebagai Pemenang Hadiah Utama FPX ("**Pemenang Hadiah Utama FPX**").
 - v. Semua sesi soal jawab akan diadili dan diputuskan oleh panel hakim yang dipilih oleh CIMB dan keputusan panel hakim yang dipilih oleh CIMB hendaklah muktamad, mengikat dan konklusif.
- b. **Hadiah Juara FPX:**
- i. 800 Peserta Layak pertama dalam setiap bulan kempen semasa Tempoh Kempen yang melakukan Transaksi Layak dan memenuhi Kriteria Penyertaan untuk Hadiah Juara FPX mengikut **Klausula-Klausula 11 hingga 14** di atas akan diisytiharkan sebagai "**Pemenang Hadiah Juara FPX**".
 - ii. Kelayakan tersebut adalah tertakluk kepada ketersediaan peruntukan Hadiah Juara FPX dan Hadiah Juara FPX maksimum yang ditetapkan dalam **Klausula 8** di atas.
 - iii. Setiap penentuan Pemenang Hadiah Juara FPX oleh CIMB hendaklah muktamad, mengikat dan konklusif.
- c. **Hadiah Pengguna FPX Baharu:**
- i. Untuk mengelakkan keraguan, kategori Hadiah Pengguna FPX Baharu hanya dikhaskan untuk Peserta Layak yang tidak melakukan sebarang transaksi FPX melalui aplikasi mudah alih CIMB OCTO dan/atau kemudahan perbankan dalam talian CIMB Clicks dalam tempoh enam (6) bulan yang lalu sebelum tarikh pelancaran Kempen, seperti yang ditetapkan dalam **Klausula 10** di atas.
 - ii. 1,200 Peserta Layak pertama dalam setiap bulan kempen semasa Tempoh Kempen yang melakukan Transaksi Layak dan memenuhi Kriteria Penyertaan untuk Hadiah Pengguna FPX Baharu menurut **Klausula-Klausula 11 hingga 14** di atas akan diisytiharkan sebagai "**Pemenang Hadiah Pengguna FPX Baharu**".

- iii. Kelayakan sedemikian adalah tertakluk kepada ketersediaan peruntukan Hadiah Pengguna FPX Baharu dan Hadiah Pengguna FPX Baharu maksimum yang ditetapkan dalam **Klausu 8** di atas.
- iv. Setiap penentuan Pemenang Hadiah Pengguna FPX Baharu oleh CIMB hendaklah muktamad, mengikat dan konklusif.

Pemilihan Pemenang JomPAY:

18. Pemenang Hadiah Utama JomPAY dan pemenang Hadiah Pengguna JomPAY Baharu (secara kolektif, "**Pemenang JomPAY**") akan dipilih seperti berikut: -

a. **Hadiah Utama JomPAY:**

- i. Untuk layak mendapat Hadiah Utama JomPAY, Peserta Layak mesti mengumpulkan minimum **sembilan (9) Penyertaan** sepanjang Tempoh Kempen untuk melayakkan diri memenangi Hadiah Utama JomPAY. Penyertaan ini mesti diagihkan seperti berikut: sekurang-kurangnya **tiga (3) Penyertaan** setiap bulan kempen, selama **tiga (3) bulan berturut-turut** dalam Tempoh Kempen. Kegagalan untuk memenuhi syarat penyertaan bulanan ini akan mengakibatkan kehilangan kelayakan daripada kategori Hadiah Utama JomPAY, tanpa mengira jumlah penyertaan terkumpul.
- ii. Pada akhir Tempoh Kempen, CIMB akan menyenarai pendek beberapa Peserta Layak daripada kumpulan Peserta Layak yang telah memperoleh minimum sembilan (9) Penyertaan untuk layak memenangi Hadiah Utama JomPAY ("**Pemenang Hadiah Utama JomPAY Berpotensi**").
- iii. Pemenang Hadiah Utama JomPAY Berpotensi yang nombor mudah alihnya didaftarkan dan dikekalkan dalam rekod CIMB akan dihubungi oleh CIMB melalui khidmat pesanan ringkas ("**SMS**"). Pemenang Hadiah Utama JomPAY Berpotensi akan dikehendaki menjawab satu (1) soalan dengan betul dengan membalas SMS tersebut dalam masa terpanjang.
- iv. Dua puluh (20) Pemenang Hadiah Utama JomPAY Berpotensi pertama yang membalas SMS tersebut dalam masa terpanjang dan dengan jawapan yang betul akan diisytiharkan sebagai "**Pemenang Hadiah Utama JomPAY**".
- v. Semua sesi soal jawab akan diadili dan diputuskan oleh panel hakim yang dipilih oleh CIMB dan keputusan panel hakim yang dipilih oleh CIMB hendaklah muktamad, mengikat dan konklusif.

b. **Hadiah Pengguna JomPAY Baharu:**

- i. Kategori Hadiah Pengguna JomPAY Baharu hanya dikhaskan untuk Peserta Layak yang tidak melakukan sebarang transaksi JomPAY melalui aplikasi mudah alih CIMB OCTO dan/atau kemudahan perbankan dalam talian CIMB Clicks dalam tempoh enam (6) bulan yang lalu sebelum tarikh pelancaran Kempen, seperti yang ditetapkan dalam **Klausu 10** di atas.
- ii. 1,850 Peserta Layak pertama dalam setiap bulan kempen yang melakukan Transaksi Layak dan memenuhi Kriteria Penyertaan menurut **Klausu-Klausu 11 hingga 14** di atas bagi Hadiah Pengguna JomPAY Baharu di atas akan diisytiharkan sebagai "**Pemenang Hadiah Pengguna JomPAY Baharu**".
- iii. Kelayakan sedemikian adalah tertakluk kepada ketersediaan peruntukan Hadiah Pengguna JomPAY Baharu dan Hadiah Pengguna JomPAY Baharu maksimum yang ditetapkan dalam **Klausu 9** di atas.

- iv. Setiap penentuan Pemenang Hadiah Pengguna JomPAY Baharu oleh CIMB hendaklah muktamad, mengikat dan konklusif.
19. Pemenang FPX dan Pemenang JomPAY hendaklah secara kolektif dirujuk sebagai “**Pemenang**”.
20. CIMB merizabkan hak untuk melucuthakkan Hadiah sekiranya bilangan Pemenang terpilih tidak mencukupi selepas tamat Tempoh Kempen (seperti yang ditetapkan dalam **Klausu 7** di atas). Tiada Pemenang tambahan akan dipilih untuk tujuan semata-mata untuk menghabiskan ketersediaan Hadiah. CIMB juga merizabkan hak untuk melucuthakkan Hadiah jika terdapat pembalikan pembayaran untuk Transaksi Layak yang dilakukan oleh Pemenang selepas Hadiah telah dianugerahkan.
21. CIMB tidak akan mempunyai kewajiban untuk memaklumkan kepada Peserta Layak apabila jumlah Hadiah (dirujuk dalam **Klausu 7** di atas) telah habis sepenuhnya pada bila-bila masa semasa Tempoh Kempen, sama ada sebelum atau selepas tamatnya.
22. Untuk mengelakkan keraguan, semua caj telekomunikasi hendaklah ditanggung oleh Peserta Layak (termasuk sebarang caj perayauan yang ditanggung oleh Pemenang Hadiah Utama FPX Berpotensi dan Pemenang Hadiah Utama JomPAY Berpotensi yang tidak berada di Malaysia pada masa komunikasi) akibat daripada CIMB menghubungi mereka dan CIMB tidak akan bertanggungjawab untuk perkara yang sama.
23. Ia hendaklah menjadi tanggungjawab Peserta Layak untuk memastikan bahawa alamat e-mel, alamat surat-menyurat dan nombor mudah alih mereka yang dikekalkan dengan CIMB adalah terkini dan dikemas kini, dan Peserta Layak akan mengemas kini dan memaklumkan kepada CIMB jika terdapat sebarang perubahan pada alamat e-mel, alamat surat-menyurat dan/atau nombor mudah alih tersebut. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Layak untuk sebarang kerugian (termasuk sebarang kehilangan peluang dan kerugian berbangkit yang mengalir daripadanya) yang dialami atau untuk sebarang kegagalan untuk memenuhi penyampaian Hadiah jika kehilangan atau kegagalan tersebut disebabkan oleh alamat e-mel, alamat surat-menyurat dan/atau nombor mudah alih Peserta Layak yang sudah lapuk atau tidak tepat.

Pemenuhan

24. Walau apa pun yang terkandung di sini bertentangan, CIMB akan memaparkan nama Pemenang dan nombor IC mereka (empat (4) angka terakhir) melalui paparan komunikasi elektronik di laman web CIMB Clicks di www.cimbclicks.com.my.
25. Pemenang akan menerima pemberitahuan melalui e-mel dan/atau SMS dan/atau Pemberitahuan Semerta dan/atau sebarang cara pemberitahuan lain, yang boleh dipilih oleh CIMB mengikut budi bicara mutlaknya memaklumkan kepada mereka tentang kemenangan mereka, Hadiah yang dimenangi, dan sebarang arahan penebusan jika terpakai.
26. Tertakluk kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini, Pemenang akan dimaklumkan tentang kemenangan mereka, dan Hadiah akan dikreditkan ke dalam Akaun Penyertaan mereka masing-masing, dalam tempoh enam belas (16) minggu selepas tamat Tempoh Kempen.
27. Untuk mengelakkan keraguan semua kos, fi dan/atau perbelanjaan yang ditanggung atau akan ditanggung oleh Pemenang berhubung dengan Kempen dan/atau penebusan Hadiah, adalah tanggungjawab tunggal Pemenang.
28. Pemenang juga mesti mempunyai Akaun Penyertaan yang aktif dan sah di Malaysia pada masa pemenuhan Hadiah. Untuk mengelakkan keraguan, Akaun Penyertaan yang telah ditamatkan/digantung/disekat/dibekukan/dorman atau atas apa-apa sebab sekalipun pada masa pemenuhan akan dianggap “tidak aktif” untuk tujuan Kempen ini dan Hadiah yang dianugerahkan kepada

Pemenang tersebut akan dilucuthakkan. Sekiranya berlaku lucut hak, tiada Pemenang tambahan akan dipilih untuk tujuan Kempen ini.

29. Selain itu, Akaun Penyertaan Pemenang: (a) MESTI tidak memungkirkan Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini dan/atau perjanjian yang mentadbir Akaun Penyertaan; DAN (b) MESTI tidak ditamatkan atau ditutup atau dijadikan tertakluk kepada sebarang penahanan, perintah bertentangan yang diperintahkan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang diberi kuasa oleh undang-undang, delinkuen dan/atau tidak sah atau dibatalkan seperti yang ditentukan oleh CIMB semasa Tempoh Kempen dan sebelum pemenuhan Hadiah, jika tidak Hadiah yang beliau layak akan dilucuthakkan.
30. Hadiah tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ke-3 yang lain dan tidak boleh ditukar dengan Hadiah berbeza dengan nilai setara atau mana-mana alternatif lain. Di mana berkenaan, Hadiah hanya akan dikreditkan ke dalam Akaun Penyertaan sah Peserta Layak dan pengkreditan Hadiah akan dicerminkan dalam penyata bulanan berikutnya untuk Akaun Penyertaan tersebut. CIMB tidak akan melayan sebarang permintaan daripada Pemenang untuk mengkreditkan Hadiah ke mana-mana akaun CIMB beliau yang lain, atau mana-mana akaun lain yang dikekalkan dengan bank lain atau mana-mana akaun pihak ketiga.
31. Melalui penerimaan Hadiah, Peserta Layak bersetuju untuk memastikan CIMB dan ahli gabungannya dan pengarah, pegawai, pekerja dan ejen masing-masing mereka ditanggung rugi daripada dan terhadap sebarang tuntutan, tindakan, prosiding, penghakiman, ganti rugi, kerugian, perbelanjaan atau liabiliti berkaitan dengan: -
- (i) penyertaan dalam Kempen; atau
 - (ii) penerimaan atau penggunaan Hadiah.
- Peserta Layak sedemikian. Semua risiko, kerugian atau ganti rugi yang berkaitan dengan penggunaan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Peserta Layak.
32. CIMB tidak menerima tanggungjawab terhadap sebarang implikasi cukai yang mungkin timbul daripada Hadiah atau penggunaannya. Sebarang kewajipan pemfailan cukai atau sebarang pembayaran cukai tertunggak kepada mana-mana pihak berkuasa akibat daripada penerimaan Hadiah kekal menjadi tanggungjawab tunggal Pemenang. Ia adalah tanggungjawab setiap Pemenang untuk mendapatkan nasihat bebas tentang implikasi berpotensi yang mungkin ada pada situasi kewangan beliau sendiri.
33. CASA-i CIMB dilindungi oleh PIDM sehingga RM250,000 untuk setiap pendeposit.

Terma-Terma dan Syarat-Syarat Am

34. Peserta Layak bersetuju bahawa dengan menyertai Kempen ini, mereka: -
- i. dikehendaki untuk membaca dan memahami Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini;
 - ii. telah mengakses, membaca dan mengesahkan persetujuan mereka terhadap Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini;
 - iii. mengesahkan bahawa terma-terma kontrak utama yang mempengaruhi kewajipan mereka telah dijelaskan dengan secukupnya kepada mereka;
 - iv. bersetuju kepada CIMB untuk memproses dan mendedahkan data peribadi mereka serta apa-apa data peribadi mana-mana individu yang mungkin dikongsi oleh Peserta Layak kepada CIMB mengikut Notis Privasi Kumpulan CIMB di www.cimb.com.my;
 - v. bersetuju bahawa semua keputusan yang dibuat secara munasabah oleh CIMB berhubung dengan setiap aspek Kempen ini hendaklah muktamad, mengikat dan konklusif; dan
 - vi. bersetuju bahawa CIMB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan kepada Peserta Layak jika CIMB tidak dapat melaksanakan secara keseluruhan atau sebahagian daripada kewajibannya dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini yang dikaitkan secara langsung atau tidak langsung kepada:

- i. kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data atau talian penghantaran;
 - i. kegagalan elektrik;
 - ii. pertikaian industri, perang, mogok atau rusuhan;
 - iii. apa-apa bencana alam ("Act of God") di luar kawalan CIMB; atau
 - iv. apa-apa faktor yang di luar kawalan munasabah CIMB.
35. Peserta Layak akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai Kempen ini dan/atau Hadiah akan dilucuthakkan jika, semasa Tempoh Kempen dan/atau sebelum pengkreditan/penghantaran Hadiah: -
- i. Peserta Layak telah memungkirinya terma-terma dan syarat-syarat yang mentadbir Akaun Penyertaan Peserta Layak;
 - ii. Akaun Penyertaan Peserta Layak telah ditamatkan atau ditutup atau dijadikan tertakluk kepada sebarang penahanan, perintah bertentangan yang diperintahkan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang diberi kuasa oleh undang-undang; atau
 - iii. Akaun Penyertaan Peserta Layak adalah delinkuen, tidak sah atau telah dibatalkan oleh Peserta Layak atau CIMB.
36. CIMB hendaklah mempunyai hak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta Layak yang ia tentukan telah: -
- i. mengganggu proses kemasukan/penyertaan/permohonan; dan/atau
 - ii. bertindak memungkirinya Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
37. CIMB hendaklah mempunyai hak untuk melanjutkan, memendekkan, menghentikan, membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen dengan memberikan notis terdahulu tujuh (7) hari kalendar kepada Peserta Layak melalui: -
- i. pengumuman di laman web CIMB; dan/atau
 - ii. notis di cawangan CIMB; dan/atau
 - iii. notis di kaunter Pertukaran Mata Wang CIMB; dan/atau
 - iv. melalui apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.
- Untuk mengelakkan keraguan, CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Layak untuk sebarang kerugian, ganti rugi, kos atau perbelanjaan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada sebarang pembatalan, penggantungan, pemendekan atau pelanjutan Kempen ini.
38. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Peserta Layak atau mana-mana pihak untuk sebarang kerugian, kos, atau ganti rugi (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, ganti rugi secara langsung atau tidak langsung, sampingan, turutan, teladan, punitif atau khas) akibat daripada: -
- a. penyertaan atau kegagalan penyertaan Peserta Layak dalam Kempen ini; dan/atau
 - b. sebarang kegagalan penerimaan atau kelewatan penerimaan SMS oleh Peserta Layak,
- melainkan kerugian atau ganti rugi tersebut timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiannya melampau atau keingkaran sengaja CIMB.
39. a. CIMB hendaklah mempunyai hak untuk mengubah, menambah, memadam, atau meminda mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini ("**Pindaan**") dengan memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Peserta Layak melalui: -
- i. pengumuman di laman web CIMB; dan/atau
 - ii. notis di cawangan CIMB; dan/atau

- iii. notis di kaunter Pertukaran Mata Wang CIMB; dan/atau
- iv. iklan dalam satu akhbar pilihan CIMB; dan/atau
- v. melalui apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.

b. Pindaan hendaklah dianggap sebagai mengikat pada Peserta Layak dari tarikh sebagaimana yang ditentukan oleh CIMB dalam pemberitahuan.

c. Sekiranya perubahan diperlukan oleh undang-undang atau mana-mana kaedah, peraturan, arahan, notis dan garis panduan ("**Peraturan**") maka mereka akan berkuat kuasa mengikut undang-undang atau Peraturan dan CIMB akan memaklumkan/memberi notis kepada Peserta Layak mengenai perubahan ini secepat mungkin.

d. Peserta Layak bersetuju untuk mengakses laman web CIMB secara berkala untuk melihat terma-terma dan syarat-syarat Kempen dan memastikan bahawa mereka sentiasa mengikuti sebarang perubahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.

40. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Layak untuk sebarang kerugian, kos atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada Pindaan.

41. Peserta Layak hendaklah menanggung rugi sepenuhnya dan memastikan CIMB ditanggung rugi terhadap sebarang fi, kos, caj, perbelanjaan, kerugian, ganti rugi atau liabiliti yang mungkin ditanggung oleh CIMB akibat daripada: -

- i. penyertaan dalam Kempen ini; dan/atau
- ii. penerimaan, penebusan atau penggunaan Hadiah; dan/atau
- iii. kemungkiran atau kegagalan untuk mematuhi Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini,

oleh Peserta Layak.

42. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini: -

- i. hendaklah mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang terkandung dalam mana-mana bahan lain yang mengiklankan Kempen; dan
- ii. dibaca bersama-sama dengan terma-terma dan syarat-syarat semasa produk dan/atau perkhidmatan CIMB yang berkaitan dengan Kempen yang hendaklah terpakai sebagai tambahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.

43. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan kaedah, peraturan dan garis panduan Bank Negara Malaysia dan badan-badan kawal selia lain yang berkenaan di mana CIMB tertakluk.

44. Jika CIMB tidak menjalani hak yang dimilikinya dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini, ia tidak menghalang CIMB daripada menjalani hak tersebut atau mana-mana hak CIMB lain pada masa hadapan.

45. Jika produk/perkhidmatan berkaitan Kempen ini yang telah dilanggan oleh Peserta Layak ditawarkan oleh CIMB Bank, sebarang pertanyaan Peserta Layak yang ada akan dikendalikan oleh CIMB Bank. Begitu juga, jika produk/perkhidmatan ditawarkan oleh CIMB Islamic Bank, kebimbangan Peserta Layak akan ditangani oleh CIMB Islamic Bank.

46. Peserta Layak bersetuju bahawa mereka akan bertanggungjawab untuk sebarang cukai, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang berkaitan dengan Kempen ini.

47. a. Peserta Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB ("**CRU**") untuk sebarang maklum balas dan/atau aduan berhubung dengan Kempen ini melalui surat, panggilan telefon, faks dan e-mel:

Alamat: Unit Resolusi Pelanggan, Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan

No. Telefon: +603 6204 7788

No. Faksimile: +603 2691 3248

E-mel: contactus@cimb.com

b. Peserta Layak boleh menghubungi Pusat Hubungan CIMB untuk sebarang pertanyaan berkaitan Kempen ini dan Terma-Terma dan Syarat-Syaratnya di No. Telefon: +603 6204 7788 atau e-mel ke contactus@cimb.com.

c. CIMB boleh mengubah butiran perhubungan di atas dengan memaklumkan kepada Peserta Layak melalui pengumuman di laman web CIMB atau melalui mana-mana cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.

[TAMAT]